

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 June 2015

Debat terbuka Najib, Dr. Mahathir tidak perlu

um-9/6/2015

KUALA LUMPUR 8 Jun - Debat terbuka antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dilihat tidak perlu diadakan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berpendapat, perdebatan seumpama itu bukanlah tradisi politik di negara ini dan terdapat kaedah lain yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan kemelut.

"Debat ini tidak perlu. Ketika zaman kepimpinan Dr. Mahathir, beliau tidak berdebat dengan mana-mana pemimpin walaupun menerima pelbagai kritikan termasuk daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj," katanya kepada pemberita di lobi bangunan Parlimen hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad Shabery berkata, kerajaan telah menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengelakkan berlakunya gangguan perkhidmatan telekomunikasi dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa gempa bumi di Sabah.

Menurut beliau, langkah itu dibuat bagi menjamin perkhidmatan komunikasi melibatkan operasi tersebut berjalan lancar.

Beliau berkata, kerjasama berkecenderungan amat penting memandangkan pada peringkat awal kejadian gempa bumi tersebut pada Jumaat lalu, terdapat gangguan perkhidmatan telekomunikasi terutamanya melibatkan telekomunikasi selular.

"Gangguan telekomunikasi tersebut berjaya diperbaiki pada tahap yang sebaiknya. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) mengambil langkah bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pengamal radio amatir dalam usaha mencari dan menyelamatkan terutama dari aspek komunikasi," katanya.

Debat ini tidak perlu. Ketika zaman kepimpinan Dr. Mahathir, beliau tidak berdebat dengan mana-mana pemimpin walaupun menerima pelbagai kritikan termasuk daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj."



AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

Kata beliau, Pengerusi SKMM, Datuk Seri Dr. Halim Shafie ketika ini berada di Sabah untuk memastikan keseluruhan aspek komunikasi di kawasan yang terjejas di tahap sebaiknya.

Ahmad Shabery memberitahu, kementerian juga telah mengaktifkan Tabung Kemanusiaan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (TKKMM) yang dikenali 'Tabung Gempa Sabah' bagi meringankan beban dan penderitaan dialami oleh penduduk yang terjejas akibat gempa bumi itu.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian dengan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menaip 'GEMPA' diikuti jumlah yang ingin disumbangkan sama ada RM1, RM3, RM5, RM10, RM20, RM30, RM40 atau RM50 dan hantar ke 13999.